

Memorandum Terhadap Masalah Individu-Individu yang Tersepit di antara Agama

Adanya sekurang-kurangnya beberapa ratus rakyat Malaysia yang merupakan hasil perkahwinan antara seorang beragama Islam dan seorang bukan Islam di mana, selepas ibu bapa mereka telah berpisah, dibesarkan oleh ibu atau bapa yang bukan beragama Islam. Oleh kerana dibesarkan dalam suasana agama bukan Islam, mereka menjadi penganut agama itu walaupun dicatatkan di dokumen peribadi mereka bahawa mereka beragama Islam. Ramai antara mereka berkahwin pasangan bukan Islam tetapi tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka kerana kad pengenalan mereka mengatakan mereka adalah orang beragama Islam.

Pada takat ini Jabatan Pendaftaran Negara tidak terima surat akuan ataupun “Deed Poll” daripada Mahkamah Sivil sebagai bukti yang mencukupi untuk menukar pentafsiran agama di kad pengenalan individu-individu seperti ini. Adalah termaktub di undang-undang pentadbiran Islam bahawa seorang Muslim adalah seorang yang mempunyai bapa atau ibu yang beragama Islam pada masa bila orang itu dilahirkan (umpamanya Seksyen 1(b) *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan) 1993*). Ikat undang-undang Malaysia, isu-isu berkaitan dengan agama Islam adalah di luar bidang kuasa Mahkamah Sivil, individu sebegini dikehendaki menghadapi Mahkamah Syariah untuk menyelesaikan isu pentafsiran agamanya.

Enakmen Pentadbiran Agama Islam di beberapa negeri termasuk Perak, Selangor dan Johor menyatakan dalam Seksyen 50 (3) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam bahawa mengeluarkan “*pengisyiharan bahawa seorang itu bukan lagi orang Islam*” adalah antara kuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Tetapi kewujudan klausa ini di Enakmen Perak dan beberapa Negeri lain tidak mencukupi dan ramai individu yang memohon pengisyiharan ini menghadapi banyak kesulitan dalam mendapatinya.

Kes I: Normala, Hazna dan Mohd Rafi

Tiga orang adik-beradik ini adalah hasil perkahwinan di antara Abdul Aziz dan Muthu Raku a/p Ramalingam. Abdul Aziz dilahirkan dalam keluarga Hindu dan di namakan Muniandy a/l Sinniah. Muniandy telah berkahwin seorang wanita Melayu dan memeluk agama Islam pada takat itu dengan ambil nama "Abdul Aziz". Selepas beberapa tahun, isteri pertama Abdul Aziz telah meninggal dunia dan Abdul Aziz telah kembali ke tempat asal beliau di mana selepas beberapa tahun beliau berkahwin Muthu Raku a/p Ramalingam yang mempunyai pertalian keluarga dengannya. Muthu Raku mengambil nama Islam (Sharina Raku bte Abdullah) supaya dapat meneruskan dengan perkahwinan ini.

Normala dilahirkan pada tahun 1984, Hazna pada 1986 dan Mohd Rafi pada tahun 1989. Agama mereka telah dicatit "Islam" di sijil-sjil kelahiran mereka kerana bapa mereka ditafsirkan sebagai seorang Islam. Tetapi mereka dibesarkan sebagai orang Hindu kerana, walaupun mempunyai nama rasmi Islam ibu-bapa mereka, Abdul Aziz dan Muthu Raku, mengamalkan agama asal mereka ia-itu agama Hindu. Akhirnya, pada tahun 1993 Abdul Aziz telah memakai kaedah "Deed Poll" di Mahkamah Sivil untuk mengeluarkan catitan Islam dari kad pengenalannya. Pada takat itu anak sulongnya Normala berumur 9 tahun.

Tetapi apabila Normala memohon kepada Jabatan Pendaftaran Negara pada tahun 2006 untuk menukar namanya ke "Nirmala" dan gugurkan catitan "Islam" daripada kad pengenalan beliau, beliau dinasihatkan memohon kepada Mahkamah Syariah untuk pengisytiharan keluar daripada agama Islam. Tiga orang adik beradik ini telah mengikut nasihat JPN dan menfaillkan kes di Mahkamah Syariah pada tahun 2009. Ringkasan usaha ini adalah seperti berikut

15/7/2009 - Menfaillkan kes di Mahkamah Syariah Seri Manjung untuk Pengisytiharan bahawa mereka bukan lagi orang Islam dengan bantuan Peguam Syarie En Shahrir b Razali.

19/3/2012 - Permohonan ditolak oleh Y A Tn Hj Mohammad Taifor b Ahmad Rusdi, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah di Manjung. Mereka juga diperintahkan menghadiri

kelas Istitabah selama enam bulan.

2012 – 2013 - Tiga orang adik beradik menghadiri Istitabah

4/11/2013 - Permohonan Pengisyiharan bahawa mereka bukan lagi orang Islam difailkan sekali lagi di Mahkamah Syariah Seri Manjung oleh Peguam Syarie En Shahrir b Razali.

29/9/2014 - Permohonan ditolak. Pemohon hendaklah terus diperlakukan sebagai orang Islam. Hakim: Y A Tn Hj Mohammad Taifor b Ahmad Rusdi.

10/10/2014 - menfaikan Notis Rayuan di Mahkamah Syariah Ipoh. Oleh En Shahrir b Razali

2015 - Sukar untuk menghubungi peguam

Februari 2016 - Menukar peguam. Meminta En Mohd Asri b Abas untuk meneruskan dengan rayuan. Didapati bahawa Rekod Rayuan tidak difailkan sampai takat itu dan oleh itu permohonan ke Mahkamah Rayuan telah keluar had masa.

31/10/2017 - Permohonan menfaikan Rayuan walaupun di luar tempoh masa ditolak oleh Mahkamah Rayuan Syariah di Ipoh.

15/11/2017 - Surat dihantar ke Jabatan Agama untuk meminta nasihat. Tiada sebarang jawapan sehingga sekarang.

Normala (Nirmala) dan Hazna (Logeswary) telah berkahwin suami beragama Hindu tetapi tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka sehingga sekarang. Mereka masih ingin menukarkan status agama mereka ke “bukan Islam”.

Kes II: Minah dan Nabisah

Minah dan Nabisah adalah hasil perkahwinan antara seorang India-Muslim En Ahmad Jallaluddin dan seorang Hindu, Pn Puspavalli a/p Nadasan . Pn Puspavalli tidak pernah menukar agamanya ke Islam dan perkahwinan ini tidak didaftarkan. Tetapi oleh kerana bapa mereka yang pergi mendaftarkan kelahiran mereka, adalah tercatit dalam sijil kelahiran Minah dan Nabisah bahawa mereka beragama Islam. Bapa mereka jarang duduk bersama mereka, kerana dia telah berkahwin seorang wanita lagi dan biasanya duduk bersamanya. Ibu Minah dan Nabisah membesar mereka dalam budaya dan agama Hindu. Mereka tidak pernah berpuasa ataupun menyambut Hari Raya Puasa dari kecil sehingga sekarang.

Mereka telah menfaikan permohonan di bawah Seksyen 50 (3) (x) Enakmen Pentadbiran Agama Islam melalui Peguam Syarie En Mohammad Asri b Abas pada tahun 2012. Kes ini diputus pada 23/8/2017 oleh Y A Tn Hj Mohammad Taifor b Ahmad Rusdi - permohonan ditolak dan mereka perlu menjalani kelas Istitabah selama enam bulan. Y A Hakim juga **mensyaratkan** mereka harus menghadiri semua sesi Istitabah dan bahawa tempoh Istitabah boleh dilanjutkan jika kehadiran pemohon tidak lengkap.

Selepas itu mereka telah menghantar tiga surat kepada Jabatan Agama (20/9/2017, 19/11/2017 dan 22/1/2018) untuk memulakan proses Istitabah, tetapi sampai sekarang tiada sebarang respon daripada Jabatan Agama Perak.

Kedua-dua adik beradik ini telah berkahwin suami Hindu tetapi tidak dapat mendaftarkan perkahwinan mereka. Mereka dikurniakan 3 orang anak setiap ibu. Keengganan mereka mengambil mykad untuk anak-anak mereka sedang menimbulkan masalah dengan mendaftarkan anak ke sekolah.

Kes III: Mohamad Nasir bin Mohamad Ebrahim (NO KP: 871105-08-5471)

Mohamad Nasir adalah hasil perkahwinan antara Pn Fathimah Ramayee bte Abdullah dan Mohamad Ebrahim a/l S Kader Rawther, seorang India Muslim. Pn Fathimah Ramayee bte Abdullah, dilahirkan di sebuah keluarga Hindu pada tahun 1956 dan diberikan nama Ramayee. Beliau berkahwin Mohamad Ebrahim pada 30hb Mei 1979, dan telah tukar namanya ke Fathimah Ramayee bte Abdullah pada takat itu. En Mohamad Ebrahim telah meninggalkan Pn Fathimah Ramayee semasa Mohd Nasir masih dalam kandungan dan tidak pernah balik.

Pn Fathimah Ramayee telah pindah balik ke rumah ibu-bapanya dan Mohd Nasir masih duduk bersama keluarga ibunya. Walaupun didaftarkan sebagai seorang Islam dalam kad pengenalannya, beliau mengamalkan agama dan istiadat Hindu sejak kecil lagi.

Mohamad Nasir telah menfaillkan satu Permohonan di Mahkamah Syariah Ipoh untuk Pengistiharaan di bawah Seksyen 50(3)(b)(x). Permohonan ini difaillkan oleh seorang Peguam Syarie bernama En Amran bin Arif pada 28hb November 2012 dan diberikan nombor pendaftaran 08200 – 043- 0076 – 2012. Kes beliau tidak pernah dibicarakan dan sejak tiga tahun yang lalu, beliau tidak dapat menghubungi En Amran n Arif.

Hanya bila pergi ke Mahkamah Tinggi Syariah Ipoh awal tahun 2017, beliau dapat tahu bahawa permohonannya untuk Pengisytiharan telah dibatalkan pada 25hb Jun 2014 atas sebab pihak Plantif tidak menghadiri Mahkamah beberapa kali. Mohamad Nasir sekarang dalam proses memohon izin Mahkamah Syariah untuk menghidupkan balik kes 08200 – 043- 0076 – 2012.

Rumusan

Situasi yang wujud sekarang menimbulkan pelbagai masalah termasuk -

1. Pemohon pengisytiharan menghadapi masalah mencari peguam syariah untuk mewakilinya di Mahkamah;
2. Bila dapat peguam pun, kerap kali peguam yang diambil segan dilihat sebagai terlalu rajin (*bersungguh-sungguh*) dalam menjalankan kes ini;
3. Kes-kes ini berlanjutan untuk beberapa tahun dengan kos guaman yang melambung antara RM 6000 ke RM 20,000;
4. Untuk elak membuat keputusan, ada juga Hakim Syariah menghantar kes seperti ini ke kelas “Istitabah” yang langsung tidak munasabah untuk individu-individu yang tidak pernah dididik dalam agama Islam. Kadang kala caranya para Ustaz mengendalikan kelas Istitabah mengecewakan.
5. Pemohon pengisytiharan tidak dapat mendaftarkan perkahwinannya. Dia juga tidak dapat namakan anaknya dengan nama yang bukan Islam ataupun memasukkan nama bapa ke dalam sijil kelahiran anaknya.
6. Kesemua ini menimbulkan persepsi negatif terhadap agama Islam di kalangan keluarga pemohon dan juga masyarakat sekeliling yang mengetahui masalahnya. Ini mencemari imej institutsi Mahkamah Syariah yang harus dipandang oleh orang ramai sebagai satu tempat yang mesra kepada manusia dan di mana keadilan boleh diperolehi oleh sesiapa pun, termasuk orang bukan Islam.

Punca-Punca Utama untuk Situasi ini

Kekeliruan antara permohonan Pengisytiharan dan permohonan Murtad di kalangan **institusi** Mahkamah Syariah adalah faktor utama yang wujudkan situasi ini. Semua ke enam kes yang diulaskan di atas tidak pernah mengamalkan agama Islam. Jadi tidak boleh dikatakan mereka keluar daripada Islam. Mereka tidak pernah mengamalkan Islam.

Tetapi nampaknya ada beberapa pihak dalam sistem Syarie, termasuk peguam dan juga Hakim, yang menyamakan permohonan di bawah seksyen 50(3)(x) dengan permohonan untuk Murtad. Oleh itu mereka amat enggan meluluskan permohonan tersebut kerana mereka rasa keputusan seperti itu merupakan dosa terhadap agama Islam, dan mereka kena jawab di Akhirat.

Mungkin struktur ayat dalam Enakmen *Pentadbiran Undang-Undang Islam* juga menyumbang kepada salahtafsiran ini. Pengisytiharan bahawa seseorang itu “bukan lagi seorang yang beragama Islam” membawa makna individu itu merupakan seorang beragama Islam pada satu masa dahulu tetapi telah keluar dari agama Islam. Dalam kes enam individu di atas, mereka hanya kategorikan sebagai “orang yang beragama Islam” kerana mengikut **definisi** dalam Enakmen. Ini isu teknikal dan birokrasi, bukan isu teologi (*akidah*)!

Oleh itu pada tahun 2016, saya telah membawa Usul Persendirian di Dewan Rakyat untuk buat pindaan pada *Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah Persekutuan)* 1993 untuk memasukkan satu lagi klausa yang berbunyi “kuasa untuk mengisytiharkan bahawa orang itu bukan beragama Islam atas sebab tidak pernah mengamalkan agama Islam sejak kecil lagi”. Tetapi Bil Persendirian itu ditolak oleh Speaker (seperti biasa berlaku).

Peranan Suhakam

Kami berharap Suhakam boleh -

1. Buat penetapan bahawa situasi yang wujud sekarang adalah satu ketidakadilan dan merupakan ancaman pada hak asasi individu-individu yang tersepit di antara dua agama.
2. Mengadakan perbincangan “close door” (*ter tutup*) dengan pihak Jabatan Agama Perak, para akademik dari Fakulti Perundangan Islam dan pakar-pakar lain untuk mengurangkan kekeliruan yang wujud sekarang di pihak Institusi Syarie. (Saya syorkan perbincangan “close door” kerana isu seperti tidak boleh diselesaikan jika dijadikan sumber untuk berpolitik).
3. Mencari pendekatan yang lebih berkesan. Umpamanya, menubuhkan satu Tribunal di bawah Jabatan Agama tiap Negeri untuk mendengar kes-kes seperti ini untuk memutuskan samada tidak pernah dididik dalam hal Islam. Jika begitu, Tribunal boleh diturunkan kuasa untuk keluarkan sijil yang boleh dibawa ke Jabatan Pendaftaran Negara untuk melaksanakan perubahan yang diminta oleh pemohon. Kaedah “adversorial” di mana pemohon “serang” dan Jabatan Agama “mempertahankan kepentingan Islam” mungkin bukan kaedah yang terbaik untuk mengendalikan masalah seperti ini.

Situasi seperti ini memang akan berlaku dalam satu masyarakat **majmuk**. Adalah tanggungjawab institusi kehakiman Sivil mahupun Syarie untuk memastikan kita dapat bertindak secara yang mengutamakan keadilan dan kemanusiaan selaras dengan konsep *Rahmatan Lil Alamin* (A Blessing to Mankind) yang merupakan intipati agama Islam, dan juga agama lain. Kami harap pihak Suhakam dapat memainkan peranan positif dalam memulihkan situasi yang wujud sekarang.

Terima kasih.

Jeyakumar Devaraj

Ahli Parlimen Sg Siput